

# LZS sasar santuni 12,000 asnaf baharu

**Agensi laksana pelbagai inisiatif tahun ini pastikan golongan sasar dapat dibantu**

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Kira-kira 10,000 asnaf fakir dan miskin baharu dikesan Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada tahun ini menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan agensi itu setakat ini.

Timbalan Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS, Md Yusmizan Yusuf, berkata agensi itu menyasarkan 12,000 asnaf baharu disantuni pada tahun ini dan penjejakan asnaf ini dilakukan menerusi pelbagai inisiatif, termasuk skuad jejak kemiskinan yang diwujudkan di setiap

masjid dan daerah di Selangor.

"Pada tahun ini, kita menyasarkan 12,000 asnaf baharu dengan hampir 10,000 sudah disantuni menerusi kerjasama pelbagai agensi bagi memastikan mereka yang memerlukan bantuan tidak tercincir.

"Kita juga mempunyai 1,800 penolong amil kariah yang turut membantu mencari asnaf ini sama ada di bandar atau luar bandar," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan bantuan LZS kepada lima bekas kakitangan TV3, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Md Yusmizan berkata, pelbagai faktor menjadi penyebab seseorang itu menjadi asnaf pada ketika ini, termasuk dibuang kerja dan tahap kesihatan mereka yang menurun.

"Kita akan semak bagi menentukan hanya layak menerima bantuan LZS dengan had kifayah kita adalah sebanyak RM2,990. Sekiranya layak, kita akan menyalurkannya bantuan asas, termasuk kewangan dan tempat tinggal mereka," katanya.

Beliau berkata, agensi itu memperuntukkan lebih RM100 juta wang zakat setiap tahun untuk diagihkan bagi bantuan perubatan dan dialisis.

Katanya, RM200 juta pula diperuntukkan setahun untuk disalurkan bagi bantuan kewangan bulanan asnaf.

## Bantu kelangsungan hidup

Sementara itu, seorang penerima bantuan, Norehan Mohd Sani, 60, mengakui terharu dengan bantuan pihak LZS yang dapat membantunya meneruskan kelangsungan hidup, terutama selepas bergelar Orang Kelainan Upaya.

"Kaki kanan saya terpaksa dipotong dari bawah lutut pada tahun lalu selepas menghidap kencing manis dengan pergerakan kini banyak bergantung kepada kerusi roda.

"Syukur Alhamdulillah, orang masih menyayangi kita. Ini adalah terapi terbaik dalam menaikkan semula semangat saya untuk berjuang dalam hidup selepas berhenti kerja pada 2007," katanya



Md Yusmizan serahkan bantuan kepada Norehan (berkerusi roda) ketika menyampaikan bantuan LZS kepada lima bekas kakitangan TV3, di Shah Alam, semalam.

(Foto Norzamira Che Noh/BH)

yang menerima bantuan perubatan LZS.

Seorang lagi bekas kakitangan TV3, Junaidah Harun, 53, turut bersyukur apabila menerima bantuan kewangan dan makanan bulanan daripada LZS.

Katanya, beliau kini tiada lagi pendapatan selepas berhenti ker-

ja pada 2019.

"Jika boleh, saya masih mahu bekerja, tetapi tahap kesihatan kini tidak lagi mengizinkan yang mana saya terpaksa menjalani rawatan dialisis sejak setahun lalu selain tahap penglihatan juga semakin merosot," katanya.